

07 AUG 1999

Abdullah-Sabah

SABAH ANTARA PEYUMBANG TERBESAR KEMENANGAN BN, KATA ABDULLAH

KOTA KINABALU, 7 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau yakin Sabah akan menjadi antara penyumbang terbesar kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum akan datang kerana BN kini bertambah kukuh di negeri itu.

Sambil menegaskan bahawa BN telah menunaikan segala janji pilihan raya negeri yang lepas, beliau berkata parti itu berazam untuk terus memesatkan lagi pembangunan Sabah.

"Saya percaya bahawa Sabah akan menjadi antara penyumbang terbesar daripada segi jumlah kerusi dimenangi oleh BN pada pilihan raya akan datang," katanya ketika merasmikan kongres kelima Parti Demokratik Sabah di sini hari ini.

Beliau juga yakin bahawa falsafah BN yang setia kepada janji untuk berkongsi kuasa seperti yang dibuktikan dalam penubuhan kerajaan BN di Sabah, akan lebih meyakinkan rakyat bahawa BN adalah parti untuk semua.

Kesetiaan BN kepada janji untuk berkongsi kuasa itu terbukti apabila BN tetap mengambil kira perwakilan daripada parti komponen lain ketika kerajaan negeri Sabah sekarang ditubuhkan.

"Dengan berpegang kepada konsep perkongsian kuasa itu, kita lihat pemimpin daripada PDS juga ada wakil dalam kerajaan BN," katanya.

Pada pilihan raya negeri yang lepas, PDS hanya memenangi dua kerusi (Ranau dan Kuala Penyu) daripada 12 kerusi yang ditandinginya manakala Dompok, yang merupakan Ketua Menteri Sabah ketika itu, tewas di kawasan Moyog.

Sambil menyatakan rasa sedih dengan kekalahan Dompok itu, Abdullah turut menceritakan detik-detik pertemuannya dengan Dompok pada tengah malam 13 Mac lepas apabila keputusan bagi semua 48 kerusi Dewan Undangan Negeri diketahui.

"Dalam pertemuan itu, saya telah menyatakan bahawa BN akan tetap menyokong PDS dan kita tidak sekali-kali akan memencilkan PDS," katanya dengan disambut tepukan perwakilan dan pemerhati parti.

pada pertemuan itu, Abdullah juga memberi jaminan bahawa PDS akan ada peranan dalam kerajaan negeri BN yang akan ditubuhkan dan ini telahpun ditunaikan dengan pelantikan wakil-wakil PDS dalam senarai menteri dan pembantu menteri kerajaan Sabah.

Malah, kata Abdullah, BN bukan sahaja telah berpegang dengan janjinya kepada PDS, malah juga janjinya kepada rakyat Sabah melalui pemberian peruntukan kewangan yang besar bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan.

Sebagai contoh, katanya, kerajaan pusat telah memberikan RM230 juta (dalam bentuk pinjaman mudah) untuk melaksanakan projek-projek kecil di Sabah dan telah menambah peruntukan sebanyak RM1.8 bilion lagi bagi tempoh separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7).

"Peruntukan yang diberikan bagi separuh penggal RMK-7 ini adalah yang terbesar diberikan kepada mana-mana negeri di Malaysia. Ini diberi dengan niat untuk membangunkan Sabah yang ketinggalan ketika diperintah kerajaan Parti Bersatu Sabah dahulu," katanya.

Mengenai cadangan PDS untuk mengubah nama parti itu kepada United Pasok Momogun Kadazan Organisation (UPKO) (Pertubuhan Pasok Momogun Kadazan Bersatu), Abdullah berkata ia diharap dapat memberi inspirasi kepada PDS untuk bekerja lebih gigih.

"Saya percaya bahawa ekor kekalahan sebahagian besar calonnya pada

pilihan raya negeri yang lepas, PDS telah membuat analisis sedalam-dalamnya dengan niat untuk mengkaji cara terbaik untuk meningkatkan peranannya," katanya.

Ini penting jika PDS ingin terus hidup sebagai parti yang berwibawa, katanya.

"Dan hari ini, kita lihat walaupun kalah, kongres PDS ini membuktikan bahawa parti masih teguh dan setia dengan perjuangan," katanya.

Abdullah berkata kerajaan BN mempunyai banyak perancangan untuk rakyat negara ini dan walaupun perancangan itu sedikit sebanyak terjejas akibat kegawatan ekonomi sebelum ini, masalah itu dapat diatasi kerana hasil usaha gigih Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita faham bahawa perjuangan untuk memulihkan ekonomi adalah dengan niat untuk mewujudkan peluang yang akan dinikmati rakyat. Kerana itu, adalah penting kita teruskan perjuangan ini dengan mengekalkan atau menambah lagi kekuatan yang ada dalam BN," katanya.

-- BERNAMA

JS MAI